

20 SEP 2002

Mahathir-Belanjawan/I

MERANGSANG PERNIAGAAN DALAM NEGERI, BONUS BAGI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Belanjawan 2003 dengan memberi penekanan kepada aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan ekonomi lebih tinggi.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan turut menggariskan langkah-langkah untuk mengurangkan lagi kos pengendalian perniagaan bagi meningkatkan daya saing negara.

"Saya tidak bercadang untuk menaikkan atau mengenakan sebarang cukai baru. Namun, demi memastikan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan, usaha akan dipergiatkan lagi bagi meningkatkan pematuhan bayaran cukai," katanya di Dewan Rakyat.

Selaras dengan dasar untuk menggalakkan pelaburan tempatan, beliau mencadangkan supaya cukai korporat bagi industri kecil dan sederhana (IKS) dengan modal berbayar RM2.5 juta ke bawah, dikurangkan daripada 28 peratus kepada 20 peratus bagi pendapatan bercukai RM100,000.

Dr Mahathir juga membawa berita gembira kepada hampir satu juta kakitangan awam di negara ini apabila beliau mengumumkan bahawa mereka akan menerima bonus satu bulan atau minimum RM1,200.

Untuk menggerakkan keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyediakan peruntukan hampir RM5 bilion mulai 2002 hingga 2008 dengan RM978.7 juta akan dibelanjakan tahun ini dan 2003 bagi membeli peralatan yang diperlukan seperti komputer notebook dan projektor LCD.

Perdana Menteri berkata cadangan Belanjawan 2003 sebanyak RM109.8 bilion merupakan peningkatan sebanyak 9.2 peratus berbanding dengan peruntukan asal pada 2002.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM72.84 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM36.96 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Dengan mengambil kira anggaran hasil sebanyak RM89.79 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sebanyak 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu lebih rendah daripada 4.7 peratus pada 2002.

Dr Mahathir berkata penyediaan Belanjawan dua tahun adalah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan agensi-agensinya mempunyai masa tunggu untuk merancang dan melaksanakan projek.

Bagi tujuan itu, beliau berkata peruntukan sebanyak RM985 juta telah disediakan di bawah pelbagai kementerian supaya kerja-kerja awal dapat dimulakan pada tahun ini dan pelaksanaan fizikal pada tahun 2002.

Menjelaskan rasional merangsang aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi membolehkan Malaysia menjana pertumbuhan lebih tinggi, Dr Mahathir berkata negara ini boleh mencontohi kuasa beli tinggi penduduk di negara-negara kecil di Eropah seperti Switzerland dan Luxembourg.

Negara-negara berkenaan, beliau berkata yang mempunyai jumlah penduduk lebih kecil daripada jumlah penduduk Malaysia sebanyak 24 juta orang, namun masih dapat dibangunkan sehingga menjadi negara maju.

Beliau berkata sungguhpun Switzerland mempunyai penduduk tiga juta dan Luxembourg kurang daripada satu juta, namun pendapatan perkapita rakyat mereka adalah lebih tinggi iaitu sebanyak US\$44,000 dan ini bermakna setiap penduduk kedua-dua negara menyumbang US\$44,000 kepada ekonomi negara

mereka.

"Sebaliknya, sumbangan setiap penduduk Malaysia hanyalah US\$4,000 sahaja. Sekiranya setiap penduduk Malaysia dapat menambah produktiviti mereka, maka KDNK serta daya saing negara juga akan meningkat," katanya.

Selaras dengan itu, beliau berkata Belanjawan 2003 akan mengutamakan strategi-strategi berikut:

- \* Meningkatkan pelaburan tempatan dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan;

- \* Mengenal pasti dan menerokai bidang baru atau "niche areas" dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan;

- \* Memantapkan kewangan sektor awam serti mempertingkatkan kecekapan Perkhidmatan Awam;

- \* Memupuk masyarakat progresif, berakhlak dan berharmoni serta menjamin kesejahteraan rakyat terutamanya masyarakat di luar bandar.

Ekoran pendorong pertumbuhan adalah dari kegiatan ekonomi dalam negeri selaras dengan strategi Belanjawan yang menekankan kepada pertumbuhan berpunca daripada sumber domestik, Dr Mahathir berkata KDNK Malaysia dijangka meningkat antara 6 hingga 6.5 peratus pada 2003.

Beliau berkata namun persekitaran dalam dan luar negara yang semakin mencabar menuntut pengorbanan dan keberanian kita semua untuk membuat anjakan dalam pengurusan dasar makroekonomi negara.

Oleh itu, beliau berkata dasar dan strategi pembangunan dalam Belanjawan 2003 ini merupakan langkah pertama ke arah merealisasikan pendekatan baru ini.

"Dalam kebangkitan semula ini, kita mesti mempunyai "agility" iaitu kebolehan bertindak dan membuat perubahan dengan pantas sebagai respons kepada setiap perubahan yang berlaku di sekeliling kita, walaupun secara "unorthodox", barulah dapat kita selamatkan negara dan mengatasi segala cabaran yang timbul," katanya.

Menyentuh mengenai kaadaan dunia setahun selepas dikejutkan dengan serangan 11 Sept ke atas Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata ia telah menyebabkan masyarakat antarabangsa, terutama kuasa besar, mengisytiharkan peperangan habis-habisan menentang keganasan.

Bagi mereka, tafsiran keganasan terhad kepada serangan fizikal ke atas negara dan rakyat mereka dan Perdana Menteri berkata sebenarnya serangan ke atas ekonomi negara membangun yang membawa rusuhan, pembunuhan dan kejatuhan kerajaan, juga tidak kurang ganasnya.

"Yang lebih buruk lagi ialah penawar yang diberi mereka, merosakkan lagi ekonomi dan kestabilan negara berkenaan... yang untung hanyalah penyangak matawang. Sesungguhnya tidak ada banyak perbezaan antara penganas ekonomi dengan penganas lain," katanya.

Dr Mahathir berkata sebagai negara dagang yang ekonominya terlalu terikat dengan dagangan antarabangsa, Malaysia terdedah kepada prestasi ekonomi rakan dagangan utamanya dengan dagangan antarabangsanya adalah dua kali ganda lebih besar daripada KDNK negara berbanding dengan negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat selepas serangan 11 Sept telah mempengaruhi prestasi ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata ekonomi Amerika Syarikat, rakan dagang terbesar Malaysia sekali lagi tertekan apabila skandal perakaunan Enron dan Arthur Andersen telah menghilangkan kepercayaan pelabur kepada pengurusan syarikat-syarikat di Amerika Syarikat.

Sambil mengutuk para penganalisis dan media antarabangsa yang mengangap salah laku perakaunan dalam beberapa syarikat gergasi di Amerika Syarikat itu sebagai kes terpencil, beliau berkata: "Apabila ia berlaku di negara membangun, ianya disifatkan sebagai bukti kurangnya amanah dan ketelusan di kalangan bangsa tertentu."

Beliau berkata mereka harus mengambil pengajaran dari negara membangun dalam menangani masalah di sektor kewangan dan korporat dan daripada segi urus tadbir korporat, Malaysia dan beberapa negara di rantau ini jauh lebih maju.

"Kita telah mempraktikkan prinsip serta amalan terbaik yang menekankan kepada ketelusan dan pengasingan kuasa bagi menjamin akauntabiliti serta kepentingan semua pemegang saham," katanya.

Dr Mahathir juga menyifatkan negara-negara yang kaya dan berkuasa adalah seperti "ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus".

Selain daripada menjana aktiviti ekonomi domestik, Belanjawan 2003 juga terbukti sensitif dengan kesejahteraan rakyat.

Selaras dengan nilai "mengutamakan keluarga", Dr Mahathir berkata kerajaan akan menambah cuti bagi kakitangan awam lelaki yang isterinya bersalin daripada tiga kepada tujuh hari bagi membantu meringankan urusan keluarga, terutamanya isteri dan anak-anak.

"Bolehlah dapat anak lebih sedikit," katanya sambil tersenyum dan disambut tepukan daripada penyokong kerajaan.

Bagi membantu anggota perkhidmatan awam mengendalikan urusan keluarga semasa kematian anggota keluarga terdekat, kerajaan bersetuju memberi mereka cuti tanpa rekod sebanyak tiga hari, katanya.

Kerajaan juga memberi perhatian kepada kebajikan ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan dengan memberi keutamaan kepada mereka untuk memiliki rumah kos rendah.

Kesusahan mereka yang tidak mampu membiayai rawatan penyakit kronik yang sering diberi liputan media, turut mendapat perhatian kerajaan.

"Seringkali kita terharu dengan rayuan bantuan kewangan bagi mereka yang tidak mampu membiayai rawatan penyakit kronik, kos rawatan biasanya tinggi dan tidak tertanggung oleh mereka yang berpendapatan rendah sementara sumbangan orang ramai tidak mencukupi," katanya.

Untuk menangani perkara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberikan geran setara seringgat bagi setiap ringgit dan akan menyediakan dana dengan permulaan RM100 juta khusus bagi mereka atau kanak-kanak yang ibubapa mereka berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan.

Perdana Menteri berkata bagi memperbaiki lagi program perumahan rakyat termiskin, kerajaan bercadang untuk memperluaskan Program Perumahan Keluarga Nelayan yang dilancarkan baru-baru ini di Terengganu ke negeri lain dengan menggunakan dana khas.

Keprihatinan kerajaan turut terserlah dalam pengumuman Dr Mahathir bahawa ia akan membelanjakan RM470 setahun untuk setiap pelajar sekolah rendah, anak-anak keluarga miskin, dibawah program makanan tambahan serta pinjaman buku teks, bantuan pakaian seragam dan sebagainya.

Sebagai tambahan, untuk meringankan lagi beban keluarga miskin, beliau berkata kerajaan bercadang menyediakan peruntukan RM120 setahun secara tunai kepada setiap pelajar dari keluarga miskin untuk membeli pakaian seragam dan peralatan sekolah.

Membentangkan belanjawan itu selama kira-kira 2 jam 40 minit, Dr Mahathir berkata ia melibatkan perbelanjaan sebanyak RM87.8 juta setahun dan akan memberi manfaat kepada 730,000 pelajar.

"Selain daripada kemudahan ini, kerajaan sedang menimbang untuk memberi baucer tuisyen kepada anak-anak keluarga miskin bagi membolehkan mereka mendapat tuisyen daripada guru-guru yang sanggup memberi tuisyen khas di luar waktu sekolah," katanya.

Prihatin dengan kebajikan pekerja khususnya yang terpaksa berhenti kerja atau menerima tawaran diberhenti kerja, Dr Mahathir mencadangkan supaya kadar pengecualian cukai ke atas bayaran pampasan yang diterima pekerja berkenaan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Dr Mahathir juga bercakap panjang lebar mengenai usaha meningkatkan taraf kehidupan rakyat di luar bandar dengan sejumlah RM2.56 bilion diperuntukkan bagi pembangunan luar bandar pada 2003.

Beliau berkata selain daripada menyediakan kemudahan infrastruktur, kerajaan juga berhasrat untuk membangunkan sebuah masyarakat luar bandar yang dapat memperolehi pendapatan yang tidak kurang dari penduduk bandar.

Untuk itu, katanya, kerajaan akan memperkenalkan rancangan "Satu Kampung Satu Industri" melibatkan pembangunan industri kecil yang memerlukan pekerja antara 10 hingga 100 orang.

Semasa menghuraikan mengenai langkah yang akan diambil bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan memperuntukkan RM850 juta bagi melaksanakan sekolah satu sesi yang bertujuan memberi pelajar lebih masa di sekolah bukan sahaja untuk sesi pembelajaran tetapi juga untuk kegiatan kokurikulum.

"Dengan itu, anak-anak kita akan dapat memanfaatkan masa mereka sepenuhnya di sekolah dan ini boleh mengelakkan mereka dari terlibat dalam aktiviti tidak sihat," katanya.

Sambil menyatakan kebimbangan kerajaan melihat pelbagai gejala sosial di kalangan belia yang semakin meruncing, Dr Mahathir berkata Program Rakan Muda akan dipertingkatkan dengan pendekatan baru supaya lebih berkesan dan melibatkan lebih ramai belia dengan peruntukan RM12.3 juta.

Menyentuh bidang sukan, Perdana Menteri berkata kerajaan berbangga dengan kejayaan yang dicapai kontinjen negara di Sukan Komanwel, Manchester yang membawa pulang tujuh pingat emas.

Beliau menasihatkan para atlet Malaysia supaya menjadikan Sukan Asia ke-14 di Busan, Korea Selatan sebagai satu cabaran untuk membuktikan bahawa Malaysia mampu mencapai tahap kejayaan yang lebih gemilang.

"Saya telah membentangkan pelbagai strategi dan langkah dalam Belanjawan 2003 yang pada hemat saya, mesra rakyat. Jangan pula ada yang menganggap bahawa ini adalah gimik belanjawan pilihan raya.

"Kerajaan Barisan Nasional masih mempunyai banyak masa lagi untuk terus memerintah," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAD HS RON